

Assalamualaikum Wbt,Salam Muafakat Johor, Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris  
SelakuKetua WHIP

Yang Dihormati En LioKwangMeng  
SelakuTimbalanKetua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisam Bin Said  
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati  
Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Kota Tinggi  
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan  
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi ,Salam Keberkatan Ramadhan, Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor

***Bila Jiwa Tinggalkan Badan  
Maka Nafas Menghembus Pergi  
Bila Tibanya Bulan Ramadhan  
Pertingkatkan Amal Sucikan Diri***

1. Dalam sedar tidak sedar kita berada di penghujung Bulan yang amat barokah dan istimewa iaitu Bulan Ramadhan al Mubarak. Sepanjang bulan ini pihak MDKT banyak menumpukan Aktiviti-aktiviti dan Program-program berbentuk keagamaan dan Ilmu yang melibatkan masyarakat Kota Tinggi serta kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi. Jutaan terima kasih terutamanya buat semua Kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam program-program tersebut. Saya percaya Kekuatan masyarakat atau mana-mana kumpulan manusia terletak kepada ikatan kerjasama yang terjalin. Persefahaman ialah teras keutuhan sesebuah masyarakat.

***Indah sungguh warna pelangi,  
Tidak luput hingga senja;  
Kelurah sama kita harungi,  
Usaha bersama membawa bahagia.***

2. Buat pengetahuan, sepanjang bulan Ramadhan ini Majlis Daerah Kota Tinggi telah mengadakan lawatan dan solat terawih peringkat daerah Kota Tinggi di Masjid-Masjid terpilih. Antara Rumah Allah yang kami kunjungi ialah Surau Bayu Damai Mukim Pantai Timur, Masjid Kampung Mawai Mukim Ulu Sungai Sedili, Masjid Ar Raudah Mukim Sedili Besar, Masjid Kampung Lepah Mukim Pengerang dan Surau Felda Lok Heng Selatan Mukim Sedili Kecil. Terima kasih diucapkan kepada semua Ketua Jabatan yang terlibat sama dalam lawatan dan solat terawih ini.

Para Ahli Jawatankuasa Mesyuarat yang saya kasihi,

3. Kepentingan untuk mempelajari seterusnya membudayakan Al-Quran dalam kehidupan adalah suatu kewajiban yang tidak perlu dipertikaikan lagi kerana kepentingan Al-Quran itu sendiri mempunyai hubung kait dengan kehidupan kita di muka bumi Allah ini. Al-Quran merupakan sumber yang paling asas dan terpenting bagi pembinaan sahsiah manusia melalui kepercayaan, pemikiran, perasaan, kejiwaan dan tindak tanduk sebagai individu dan anggota masyarakat. Atas dasar itulah mempelajari Al-Quran tidak cukup sekadar dengan hanya boleh membacanya sahaja, tetapi mempunyai lima penekanan yang penting iaitu membaca, menulis, menghafaz, memahami dan menghayatinya melalui amalan dalam kehidupan seharian. Justeru itu pihak MDKT melihat kepentingan Membudayakan Al Quran perlu di pratikan oleh kita semua.

***Angin Bertiup Membawa Damai  
Cuaca Indah Membisik Ceria  
Baca Al Quran Beramai-Ramai  
Tadarus Bersama Pasti Ceria***

4. Untuk makluman para hadir, Pihak MDKT telah terlibat dalam beberapa program membudayakan Al Quran dan di antara program-program tersebut ialah Majlis Khatam Alquran Dan Iftar Ramadhan bersama saudara kita di Masjid Bandar Kota Tinggi, Program membudayakan Alquran Peringkat Negeri Johor di Masjid Bandar Mersing. Program ini diserikan lagi dengan keberangkatan DYMM Pemangku Sultan Tunku Mahkota Johor, Majlis khatam alquran dan berbuka puasa peringkat MDKT di dewan Jubli Intan serta sumbangan duit raya kepada semua anggota MDKT, Majlis Tadarus Dan Khatam Alquran Bagi Kakitangan Kerajaan Negeri Johor di kediaman rasmi YAB MB Johor dan yang terakhir ialah pada 28hb yang lalu iaitu Majlis Tadarus dan khatam alquran Pejabat Daerah Kota Tinggi di Masjid Al Husna Bandar Tenggara
5. Selain dari membudayakan Al Quran, pihak MDKT juga ada menganjurkan beberapa program-program amal iaitu Program Kacau Bubur Lambuk Peringkat Daerah Kota Tinggi yang telah diadakan di Plaza Kota Tinggi. Sumbangan duit raya kepada seramai 150 orang anak – anak yatim Kota Tinggi telah diberikan dan semalam telah di adakan Program Kacau Bubur Lambuk Persatuan Anuale di perkarangan tempat letak kereta berhampiran kantin MDKT. Suasana Meriah dan Ceria sepanjang program tersebut menggambarkan semangat kerjasama yang kukuh sesama kakitangan Majlis Daerah Kota Tinggi. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan buat semua yang terlibat dalam majlis tersebut.

***Melukah Gelama Di Arus Mati  
Kalau Berakit Bergoyang Pukat  
Sedekah, Derma Setulus Hati  
Walau Sedikit Itu Yang Berkat***

6. Ucapan jutaan terima kasih juga ini saya sampaikan kepada Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris , Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan MDKT yang hadir sama mengadakan lawatan keTapak Bazar Kota Tinggi pada 21hb jun yang lalu. Semoga aktiviti-aktiviti turun padang bersama rakyat ini dapat terus dilaksanakan bukan hanya pada bulan Ramadhan sahaja.

***Bunga Selasih Diatas Pangkin***

***Simpuh Si Dara Memakai Hiasan  
Berterima Kasih Kepada Pemimpin  
Bersungguh Menyedia Pelbagai Kemudahan***

7. Pada 28hb yang lalu satu Majlis Program Klasifikasi Sisa Pepejal Dan Pencegahan Denggi Bertempat Di Gerai Muafakat Jln Jaafar Kota Tinggi telah di adakan. Terima kasih diucapkan kepada pemimpin-pemimpin daerah kota tinggi kerana sudi hadir mendengar permasalahan rakyat dan membantu semampu mungkin mencari penyelesaian kepada setiap aduan yang dikemukakan. Apapun seperti dalam ucapan saya tempoh hari iaitu kerajaan boleh member peruntukan sebanyak mana yang mereka rasakan perlu namun mentality dan sikap positif masyarakat kita untuk sama-sama menjaga kemudahan yang diberikan adalah lebih penting dari itu.

Para Ahli Jawatankuasa Mesyuarat yang saya hormati

Sebelum saya akhir ucapan saya pada pagi ini izinkan saya berpantun sebagai penutup bicara.

***Ramadhan Ke 24 Kini Menjelma  
Bersyukur Kita Dipanjangkan Usia  
Perbanyakkan Amalan Jauhi Dosa  
Moga Ibadah Allah Terima***

***Hampir Berakhir Bulan Ramadan ,  
Tiba Pula Bulan Syawal,  
Jadikan Nabi Sebagai Teladan ,  
Menenangkan Jiwa Meningkatkan Intelektual***

***Cahaya Ramadhan Berlalu Pergi  
Menyambut Tibanya Aidilfitri  
Ampun Maaf Segala Peri  
Semoga Ikatan Kekal Dihati***

***Satu Syawal Menjelang Tiba  
Takbir Bergema Mengegarkan Jiwa  
Sekiranya Ada Salah Dan Dosa  
Ampun Dipinta Dihari Mulia***

“Selamat Tinggal Bulan Penuh Berkah, Semoga Kita Semua Berpeluang Bertemu Semula Pada Tahun hadapan Dan Pada Masa Yang Sama Selamat Menyambut Hari Raya Idulfitri Buat Semua, Maaf Zahir Dan Batin”

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, WabillahitaufikWalhidayah, Wassalamualaikum Warohmatullahiwabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera